UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERATURAN

KESELAMATAN KATA LALUAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Disediakan oleh : Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi (PPPK)
Telefon: +606-270 1098 Faks: +606-270 1037 Emel: pppk@utem.edu.my
Helpdesk: +606-270 1101 (Portal, Sistem, emel, myUTeM) I +606-270 1102 (PC, UC - Telefon, Internet, Software)

PERATURAN KESELAMATAN KATA LALUAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SUSUNAN
PERATURAN

Peraturan

PERATURAN KESELAMATAN KATA LALUAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Tujuan Peraturan ini adalah untuk memastikan pengguna menukar dan menggunakan kata laluan yang sukar untuk diteka dan dipecah masuk oleh pengguna lain.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

”pengguna” ertinya:-

a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman; dan

b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif.

”pentadbir sistem” ertinya pegawai yang bertanggungjawab mengurus, mengawal , memantau dan menyelenggara sesuatu Sistem Maklumat di bawah seliaannya;

”Peraturan” ertinya Peraturan Keselamatan Kata Laluan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

”PPPK” ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM; dan

“UTeM” bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

(a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.

(b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.

(c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.

(d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

3.0 SKOP

Peraturan ini merangkumi kata laluan untuk rangkaian dan perisian seperti sistem komputer, sistem pengoperasian, pangkalan data, sistem mel elektronik dan sistem aplikasi utama UTeM.

4.0 KESELAMATAN KATA LALUAN

4.1 Rangkaian

4.1.1 Keselamatan kata laluan dari segi rangkaian bermaksud kata laluan *(Active Directory)* yang digunakan oleh pengguna (yang telah disediakan oleh PPPK untuk tujuan memasuki dan menjadi sebahagian daripada jaringan rangkaian UTeM.

4.1.2 Pentadbir sistem berhak untuk menghalang/*block* mana-mana pengguna yang kata laluannya tidak selamat dan boleh menjadi ancaman kepada jaringan rangkaian UTeM seluruhnya yang membenarkan akses selain daripada yang telah dibenarkan.

4.2 Sistem Aplikasi & Sistem Operasi

Setiap komputer pengguna di UTeM telah disambungkan ke domain UTeM dan setiap pengguna telah diberi kata nama (ID staf) manakala kata laluan ditentukan dan hanya diketahui oleh pengguna itu sendiri sahaja untuk mengakses domain UTeM pada kadar yang telah ditetapkan.

4.2.1 Setiap pengguna DIMESTIKAN untuk memilih kata laluan yang sukar untuk diteka atau diketahui oleh orang lain seperti nombor staf, nama pasangan atau anak, nombor plet kereta, dan sebagainya.

4.2.2 Pengguna hendaklah mencipta kata laluan:-

4.2.2.1 Dalam bentuk yang tidak boleh dilihat;
4.2.2.2 Sekurang-kurangnya 8 aksara; dan
4.2.2.3 Kombinasi huruf besar, huruf kecil, simbol dan nombor.

4.2.3 Pengguna TIDAK DIBENARKAN sama sekali untuk login menggunakan ID pengguna lain selain ID yang telah diberikan kepada mereka.

4.2.4 Kata laluan dienkrip semasa penghantaran.

4.2.5 Kuat kuasa pertukaran kata laluan semasa *log in* kali pertama atau selepas kata laluan diset semula.

4.2.6 Fail kata laluan disimpan berasingan daripada data sistem aplikasi utama.

4.2.7 Mengelakkan penggunaan semula kata laluan semasa dengan kata laluan yang baharu

4.2.8 Pengguna digalakkan untuk mengubah kata laluan setiap tiga (3) bulan untuk mengelakkan individu lain meneka secara rambang dan menggunakannya.

4.2.9 Pengguna boleh menghubungi PPPK untuk menukar kata laluan.

4.2.10 Pihak pentadbir sistem berhak untuk menghalang/*block* mana-mana pengguna yang kata laluannya tidak selamat dan boleh menjadi ancaman kepada jaringan rangkaian UTeM seluruhnya yang membenarkan akses selain daripada yang telah dibenarkan.

4.2.11 PPPK berhak:-

4.2.11.1 menarik balik komputer pengguna; dan

4.2.11.2 mengambil tindakan terhadap pengguna,

yang menyalahgunakan akses yang diberi atau menggunakan ID pengguna lain untuk melakukan apa-apa kesalahan atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang, dasar, peraturan, pekeliling, atau garis panduan yang berkuat kuasa.

5.0 PENAFIAN

PPPK tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau pencerobohan data atau sistem jika kata laluan seseorang pengguna telah digunakan secara tidak sah oleh pengguna atau mana-mana individu lain yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan pencerobohan ke atas data-data pengguna tersebut atas kelalaian pengguna itu sendiri yang menggunakan kata laluan yang mudah bagi pengguna atau individu lain meneka secara rambang dan menggunakannya.

6.0 LAIN-LAIN

6.1 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-

a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;

b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya; atau

c) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

6.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

6.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.